

Wan Mohd. Zahid tokoh kepimpinan pengurusan pendidikan 2007

JOHOR BAHRU 16 Mei - Prinsip berani mencetuskan revolusi dengan menggabungkan konsep teknikal serta tindak balas rasional dalam dunia pendidikan telah menobatkan Tan Sri Dr. Wan Mohd. Zahid Wan Mohd. Noordin (**gambar**) sebagai Tokoh Kepimpinan Pengurusan Pendidikan 2007.

Dengan penganugerahan itu, beliau menerima wang tunai RM-10,000 berserta hadiah iringan, pingat emas, plak dan piala yang disampaikan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Wan Mohd. Zahid, 67, bekas Ketua Pengarah Pelajaran selama empat tahun dari 1993 hingga 1997 menerima anugerah tertinggi perguruan sempena perayaan Hari Guru yang berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor di sini malam ini.

Wan Mohd. Zahid kini ialah Pengerusi Kumpulan Guthrie Berhad dan Pengerusi Universiti Teknologi Mara (UiTM).

"Dalam pengurusan pendidikan, saya berpegang kepada dua prinsip itu dan ia saya jadikan matlamat dalam hidup khususnya dalam dunia pendidikan," katanya kepada Utusan Malaysia selepas menerima anugerah tersebut.

Dilahirkan di Kuala Kangsar, Perak, Wan Mohd. Zahid memberitahu, sebaik sahaja memikul amanah sebagai Ketua Pengarah Pelajaran, beliau cuba membawa perubahan dengan memperkenalkan gabungan teknikal dan rasional yang pada peringkat awalnya menerima banyak tahanan daripada golongan pendidik.

Namun, melalui dialog yang diadakan bersama guru-guru dan juga tokoh politik, akhirnya konsep baru yang diperkenalkan itu bukan sahaja dapat diterima malah memberi kesan besar terhadap perkembangan pendidikan negara.

Pada era kepimpinannya di Jabatan Pelajaran, beliau turut membawa kejutan pemikiran yang menjadi satu pelan dasar kepada warga guru dan ia ternyata berjaya merubah struktur pendidikan negara secara holistik.

Konsep tindak balas rasional yang diperkenalkan itu dilaksanakan semasa beliau menjadi Pengarah Pelajaran Kelantan selama empat tahun mulai 1982.

Ketika itu beliau berada dalam keadaan 'tenat' kerana keputusan peperiksaan Sijil Rendah Pelajar (SRP) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) menunjukkan negeri itu berada pada kedudukan tercorot.

Dalam tempoh dua tahun bertugas di Kelantan, beliau berjaya mengubah pencapaian akademik pelajar negeri berkenaan daripada kedudukan tercorot kepada antara 10 negeri terbaik di Malaysia.

"Bagi saya, dalam apa juga profesion yang diceburi, khususnya profesion perguruan, kita harus berpegang kepada prinsip setiap murid boleh belajar dan setiap guru mesti dedikasi, komited dan bertanggungjawab," katanya.

Menurut Wan Mohd. Zahid, sekiranya prinsip itu dihayati dan diamalkan usaha untuk membangunkan dunia pendidikan negara akan menjadi lebih mudah.

